



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 21 APRIL 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **54 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **3,349 kes** (61.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA.

Sehingga 21 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **57 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,482 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 2,041 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan. Daripada 57 kes, **18 adalah kes import** daripada warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara. 39 kes adalah kes penularan tempatan.

Sehingga kini, seramai **43 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 27 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **tiga (3)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 92 kes (1.68 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-90 (kes ke-2050) merupakan perempuan warganegara Malaysia berumur 72 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi. Beliau adalah ibu kepada kes ke-2053 (yang turut mempunyai gejala pada hari yang sama). Beliau telah dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada 27 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 20 April 2020 jam 1.47 tengah hari.
- Kes kematian ke-91 (kes ke-4090) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 69 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang. Beliau telah dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 6 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 21 April 2020 jam 2.28 pagi.
- Kes kematian ke-92 (kes ke-5332) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 92 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan dementia. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 iaitu kes ke-4711. Beliau telah dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 8 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 21 April 2020 jam 1.30 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

## **KES POSITIF COVID-19 DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA YANG PULANG DARI LUAR NEGARA SEJAK 3 APRIL 2020**

Seperti yang telah dimaklumkan, dalam tempoh beberapa hari ini bilangan kes harian menunjukkan tren penurunan yang amat memberangsangkan.

Namun demikian, KKM telah mengesan sejumlah kes positif COVID-19 yang melibatkan rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara. Perkara ini telah dijangka, memandangkan lebih daripada 180 buah negara di seluruh dunia telah terkesan akibat pandemik COVID-19. Justeru, tindakan mewajibkan semua rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara untuk ditempatkan di stesen kuarantin di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah bertepatan.

Dalam tempoh lebih dua (2) minggu sejak 3 April 2020, seramai 12,160 rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara telah dikuarantinkan. Daripada jumlah tersebut, setakat ini 7,910 individu telah disampel di mana 95 kes positif COVID-19 dikesan (iaitu 1.20 peratus). Tindakan proaktif ini telah menyaksikan peningkatan jumlah kes yang dilaporkan di negeri di mana mereka dikuarantinkan. Misalnya peningkatan 37 kes di Melaka, 32 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, tiga (3) kes di Sarawak, tiga (3) kes di Johor, dan dua (2) kes di Selangor. Kes-kes positif ini telah diasingkan dan diberi rawatan di hospital.

## **AKTIVITI SURVELAN, TINDAKAN PENGESANAN ACTIVE CASE DETECTION DAN JUGA AKTIVITI PENGESANAN TERTUMPU COVID-19 DI DALAM KOMUNITI**

Bagi mengenalpasti aktiviti penularan COVID-19 di kalangan masyarakat setempat di Malaysia, KKM telah sejak awal lagi

menjalankan persampelan daripada pesakit yang mempunyai gejala *Influenza Like Illness (ILI)* / *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) di hospital dan klinik KKM, iaitu sebagai salah satu aktiviti surveilan jangkitan COVID-19 sejak 2 Februari 2020.

Sampel untuk ujian pengesanan COVID-19 akan diambil daripada semua pesakit dengan jangkitan paru-paru (*pneumonia*). Setakat ini terdapat sebanyak 56 kes positif daripada 2,669 sampel yang telah diambil (iaitu 2.1 peratus daripada jumlah sampel kes SARI).

Manakala, persampelan ILI pula mula dijalankan sejak minggu epidemiologi ke-9 (yang bermula pada 23 Februari 2020) dengan permulaan sebanyak lapan (8) buah lokasi Klinik Kesihatan terpilih (*sentinel site*). Ini bagi mengenalpasti sekiranya berlaku jangkitan di komuniti.

Sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 telah dikenalpasti daripada 1,280 sampel yang telah diambil (iaitu 0.6 peratus daripada jumlah sampel kes ILI). Aktiviti surveilan ini bertindak sebagai sistem pengesanan awal (*early detection*) dan sistem amaran awal (*early warning*) kejadian COVID-19 di Malaysia. Pihak KKM akan terus memperluas dan memperkukuhkan aktiviti surveilan COVID-19 di Malaysia.

Selain itu, KKM juga telah menggunakan aktiviti pendekatan tertumpu (*targeted approach*) untuk membendung penularan jangkitan COVID-19. Antara aktiviti yang dilakukan adalah pengesanan di kalangan kumpulan berisiko tinggi (misalnya sekolah tahfiz dan pekerja warganegara asing) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di mana bancian penduduk dan *Active Case Detection* (ACD) dijalankan dari rumah ke rumah.

## **NASIHAT KESIHATAN**

Kepatuhan masyarakat terhadap PKP adalah amat penting dalam membantu Kerajaan menurunkan kebolehjangkitan COVID-19 dalam komuniti. Ini terutama bagi memastikan tidak berlaku

jangkitan merentas negeri, daerah dan mukim. Selain daripada aktiviti kawalan sempadan (*border control*), pematuhan masyarakat terhadap PKP akan seterusnya memastikan penularan jangkitan COVID-19 dapat dikawal sepenuhnya.

Rakyat Malaysia juga dinasihatkan agar terus mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa, seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun serta mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

21 April 2020 @ 5.00 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 21 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	<b>0</b>	<b>18</b>
<b>KEDAH</b>	<b>0</b>	<b>94</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>0</b>	<b>119</b>
<b>PERAK</b>	<b>0</b>	<b>252</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>11</b>	<b>1,356</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>1</b>	<b>409</b>
<b>MELAKA</b>	<b>1</b>	<b>188</b>
<b>JOHOR</b>	<b>1</b>	<b>645</b>
<b>PAHANG</b>	<b>8</b>	<b>279</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>0</b>	<b>109</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>0</b>	<b>155</b>
<b>SABAH</b>	<b>0</b>	<b>308</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>22</b>	<b>436</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	<b>13</b>	<b>1,021</b>
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	<b>0</b>	<b>77</b>
<b>W.P. LABUAN</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>57</b>	<b>5,482</b>